

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI SELASA : 5 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 45)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah bangunan CIQ di sempadan Ba'kelalan Indonesia dapat beroperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa meneliti keperluan pembangunan baharu kemudahan imigresen di sempadan negara termasuklah di sempadan Malaysia-Indonesia.

Pembinaan Pos dan Kuarters Imigresen Ba'Kelalan yang telah diluluskan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, *Rolling Plan 4* (RMKe-10, RP4) adalah merupakan inisiatif Kerajaan untuk merencanakan perkembangan ekonomi setempat, selain pembinaan Pos Kawalan ini juga akan memberikan kemudahan perjalanan keluar dan masuk bagi rakyat Malaysia dan Indonesia, sejajar perkembangan pembukaan ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan.

Fasa pembinaan pos kawalan ini sehingga 31 Ogos 2024 mencatatkan peratus siap sebanyak 99.46 peratus dan dijangka siap sepenuhnya pada 16 November 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan Program Dwibahasa (DLP) dan apakah respon serta tindakan susulan berkaitan bantahan pelaksanaan DLP di beberapa sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Program Dual Language Programme (DLP) bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris (BI) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik bermula tahun 2016.

Keberkesanan program DLP adalah berdasarkan prestasi calon yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mata pelajaran Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Matematik dan Sains bagi tahun 2021 hingga 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian calon yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP dalam peperiksaan SPM menunjukkan peratus lulus yang cemerlang bagi mata pelajaran BM iaitu sebanyak 97.1% lulus pada tahun 2021, 97.8% lulus pada tahun 2022 dan 97.9% pada tahun 2023. Prestasi mata pelajaran Bahasa Inggeris menunjukkan peningkatan iaitu 96.8% lulus keseluruhan pada tahun 2021, 97.0% pada tahun 2022 dan 2023. Untuk mata pelajaran Sains, peratus lulus keseluruhan calon adalah sebanyak 91.6% untuk tahun 2021, 92.8% pada 2022 dan 92.3% untuk tahun 2023. Mata pelajaran Matematik pula, sebanyak 91.4% calon lulus pada tahun 2021, 90.5% untuk 2022 dan 92.3% pada tahun 2023.

KPM sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam menyelesaikan sebarang masalah dalam pelaksanaan program DLP. Pelaksanaan program DLP adalah berdasarkan garis panduan terkini seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2024: Garis Panduan Pelaksanaan Dual Language Programme Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2024 bertarikh 19 Mac 2024. Pelaksanaan Program DLP juga adalah selaras dengan perundangan sedia ada dan dasar pendidikan kebangsaan iaitu Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah bentuk program peringatan yang akan dilaksanakan Kementerian bersempena dengan 80 tahun berakhirnya Perang Dunia Kedua pada tahun 2025 dan berapa jumlah peruntukan untuk program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat Cheras yang mengingatkan kita ke atas satu tragedi besar yang berlaku terhadap ketamadunan manusia iaitu Perang Dunia Kedua.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian setakat ini belum mempunyai perancangan atau peruntukan khusus bagi mengadakan program peringatan bersempena dengan 80 tahun berakhirnya Perang Dunia Kedua pada tahun 2025.
3. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui agensi di bawahnya seperti Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Arkib Negara Malaysia (ANM) sentiasa menganjurkan pelbagai program dan aktiviti bagi meningkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat.
4. Sebagai contoh, JMM pernah menganjurkan satu pameran khas bagi memperingati Perang Dunia Kedua pada tahun 2023 iaitu 'Pameran Malaysia Era Perang Dunia Kedua' di Muzium Perak, Taiping bermula dari 15 Ogos hingga 30 November 2023 bersempena sambutan Bulan Kebangsaan. Pameran tersebut diadakan dengan kerjasama Pennsylvania State University, Berks, Amerika Syarikat di mana mereka telah membangunkan kandungan naratif realiti maya melalui sumber sejarah lisan yang melibatkan 20 orang responden pelbagai kaum dari latar belakang yang berbeza. Pameran ini telah berjaya menarik kehadiran 48,344 pengunjung. Manakala program-program lain yang pernah diadakan termasuklah Pameran Jalan Merdeka 2017, Pameran Sayangi Malaysiaku 2018, Pameran Pesona Malaysia 2019, Pameran Koleksi Terpilih Kemerdekaan 63 Tahun 2020, Webinar Kemerdekaan: Merdeka@Muzium 2021, Fiesta Merdeka@Muzium Negara 2022 dan Eksplorasi Merdeka@Muzium 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN
[TANGGA BATU]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) jumlah pekebun kecil atau petani yang telah mendaftar program BUDI;
dan
- (b) jumlah subsidi diesel yang telah dibayar oleh Kementerian kepada
petani atau pekebun kecil sejak penarikan subsidi secara pukal dibuat
Kerajaan ke atas diesel tempoh hari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan penyasaran subsidi diesel melalui program BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi iaitu pemberian bantuan tunai sebanyak 2,400 ringgit setahun kepada pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil komoditi. Bantuan tunai 200 ringgit secara bulanan ini dapat mengimbangi kesan kenaikan harga diesel tanpa menjejaskan pendapatan boleh guna kumpulan sasar.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 30 September 2024, 35 ribu penerima BUDI Agri-Komoditi telah diluluskan dalam tempoh 4 bulan pelaksanaan sejak Jun 2024 dengan jumlah bayaran disalurkan adalah sebanyak 16.8 juta ringgit.

Antara faktor permohonan BUDI Agri-Komoditi ditolak adalah disebabkan tiada rekod sebagai petani kecil atau pekebun kecil komoditi di bawah pangkalan data GeoAgro, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (atau KPKM) dan agensi di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi (atau KPK). KPKM dan KPK juga sedang giat mengadakan sesi libat urus dan turun padang bersama-sama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (atau LHDNM) bagi membolehkan pendaftaran para petani dan pekebun dapat dibuat secara langsung. Semenjak Jun 2024, sebanyak lebih 200 sesi telah diadakan oleh KPKM dan KPK serta jabatan dan agensi di pelbagai lokasi seluruh negara. Pada masa yang sama, pemohon juga boleh terus ke Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mendapatkan khidmat pendaftaran permohonan melalui kaunter khas yang telah disediakan di setiap negeri.

Kerajaan akan sentiasa memantau situasi semasa termasuk pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dan sekiranya perlu, penambahbaikan dari semasa ke semasa akan dibuat dalam memastikan golongan yang benar-benar layak terus mendapat perhatian Kerajaan dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan pembangunan di Pejabat Pendidikan Daerah Kota Marudu bagi menaik taraf sekolah-sekolah pada tahun 2023 dan 2024. Apakah ada peruntukan tambahan memandangkan kawasan pedalaman di Kota Marudu memerlukan lebih banyak pembaikan dan naik taraf berbanding sekolah di kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rolling Plan 4 tahun 2024, sebanyak RM21.50juta telah diperuntukkan bagi membiayai projek pembangunan di Kota Marudu yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan JKR Sabah. Projek yang dilaksanakan adalah merangkumi antaranya projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah, pembinaan prasekolah, bangunan gantian, bangunan tambahan, dewan terbuka dan perolehan tanah.

Selain itu sebagai tambahan, KPM juga telah diluluskan pelaksanaan projek ubah suai naik taraf bangunan sekolah berskala 6. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mengekalkan keselamatan bangunan seterusnya mengurangkan bangunan sekolah daripada dikategorikan sebagai bangunan daif. Khusus untuk Kota Marudu, telah diperuntukkan sebanyak RM2.0 juta bagi pelaksanaan kerja ubahsuai dan naik taraf bagi dua buah sekolah, iaitu SK Magandai pada tahun 2024 dan SK Tagibang pada tahun 2025.

Selain itu, KPM juga telah menyalurkan peruntukan ke pejabat pendidikan daerah bagi kerja-kerja penyelenggaraan sekolah-sekolah di parlimen Kota Marudu. Pada tahun 2023, sebanyak RM9.56 juta telah disalurkan untuk 58 buah sekolah manakala pada tahun ini sebanyak RM2.68 juta sehingga 5 November 2024 telah disalurkan kepada 42 buah sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar dari STPM, Matrikulasi, Asasi, Saluran Terbuka ke universiti awam berdasarkan pecahan universiti dan kaum (iaitu Bumiputera Sabah, Bumiputera Sabah Lain, Bumiputera Sarawak, Bumiputera Sarawak Lain, Melayu, Orang Asli, Cina, India dan Lain-lain) pada sesi akademik 2023/2024 dan 2024/2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan pelajar Lulusan STPM, Matrikulasi dan Asasi berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi. Pemilihan calon Lulusan STPM, Matrikulasi dan Asasi untuk ke Universiti Awam (UA) adalah setara dan dinilai berdasarkan kelayakan calon.

2. Berdasarkan permohonan UPUOnline bagi Sesi Akademik 2023/2024 dan 2024/2025, calon **Lulusan STPM Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang telah berjaya ditawarkan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) adalah seperti berikut:

- i) Pada Sesi Akademik **2023/2024**, calon **Lulusan STPM** yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada **21,910 calon Bumiputera** dan **7,623 calon Bukan Bumiputera**.
- ii) Pada Sesi Akademik **2024/2025** pula, calon **Lulusan STPM** yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada **22,449 calon Bumiputera** dan **6,743 calon Bukan Bumiputera**.

3. Berdasarkan permohonan UPUOnline bagi Sesi Akademik 2023/2024 dan 2024/2025, calon **Lulusan Matrikulasi Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang telah berjaya ditawarkan ke IPTA adalah seperti berikut:

- i) Pada Sesi Akademik **2023/2024**, calon **Lulusan Matrikulasi** yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada **16,557 calon Bumiputera** dan **2,796 calon Bukan Bumiputera**.
- ii) Pada Sesi Akademik **2024/2025** pula, calon **Lulusan Matrikulasi** yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada **15,993 calon Bumiputera** dan **2,810 calon Bukan Bumiputera**.

4. Berdasarkan permohonan UPUOnline bagi Sesi Akademik 2023/2024 dan 2024/2025, calon **Lepasan Asasi Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang telah berjaya ditawarkan ke IPTA adalah seperti berikut:

- i) Pada Sesi Akademik **2023/2024**, calon **Lepasan Asasi** yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada **3,768 calon Bumiputera** dan **50 calon Bukan Bumiputera**.

- iii) Pada Sesi Akademik **2024/2025** pula, **Lepasan Asasi** yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah seramai **3,775 calon Bumiputera** dan **133 calon Bukan Bumiputera**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab suspek di dalam laporan polis seorang Orang Kurang Upaya (OKU) yang mendakwa bahawa beliau dipukul oleh seorang pengawal Tunku Mahkota Johor tidak didakwa sehingga sekarang memandangkan terdapatnya keterangan yang kukuh untuk mendakwa suspek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Bagi kes siasatan serangan terhadap pemandu e-hailing Orang Kelainan Upaya (OKU) Ong Ing Keong, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan sebagaimana laporan polis Brickfields Repot 7047/2024 di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan iaitu mendatangkan kecederaan. Kejadian berlaku melibatkan pengadu merupakan seorang OKU yang juga mangsa, mendakwa telah dikasari oleh pengawal pengiring orang kenamaan. Petuduhan ke atas subjek telah dilaksanakan pada 4 November 2024, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman ke atas subjek di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Selain itu, pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM juga telah membuka kertas siasatan tatatertib (KST) ke atas orang yang disyaki (OYDS) dan Kertas Enkuiri Tatatertib (KET) juga dibuka ke atas Pegawai Penyiasat Kanan dan Pegawai Penyiasat kes tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :**

- a) apakah status terkini projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang;
dan
- b) siapakah perunding reka bentuk Terowong Dasar Laut Pulau
Pinang yang telah dilantik dan bilakah reka bentuk ini akan
dipamerkan kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang adalah projek infrastruktur jalan raya yang bertujuan menghubungkan George Town dengan Seberang Perai. Projek ini dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sepenuhnya untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.
2. Berdasarkan makluman dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kajian kebolehlaksanaan (*feasibility studies*) projek tersebut masih belum dilengkapkan atas sebab-sebab tertentu termasuk perancangan projek pembesaran pelabuhan di Butterworth.
3. Untuk makluman, sebarang projek pembinaan struktur terowong bagi laluan kenderaan sama ada di atas daratan atau di bawah dasar laut, dan pembinaan infrastruktur seperti jambatan dan lebuh raya serta jalan raya seumpamanya adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya (KKR).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak terhadap KWSP akibat daripada kerugian yang ditanggung dalam pelaburan KWSP terhadap projek Battersea London dan bagaimana pihak Kementerian dan Kerajaan akan mengkaji semula polisi *risk assessment* terhadap sesuatu pelaburan melibatkan agensi-agensi pelaburan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman, pelaburan KWSP terbahagi kepada dua bahagian:

1. Battersea Power Station (BPS)

KWSP memegang 35% pengangan dalam Battersea Power Station (BPS), yang merangkumi kompleks pejabat dan runcit yang bertempat di stesen janakuasa yang telah dibangunkan semula. BPS, yang dibuka pada 2022, kini mempunyai ruang pejabat yang disewa sepenuhnya (100%) dengan penyewa utama adalah Apple. Bagi ruang runcit pula kadar penghunian kini adalah sebanyak 95%, menunjukkan kemajuan yang baik dalam tempoh dua tahun sejak pembukaannya. BPS telah menerima 12 juta pengunjung pada tahun 2023.

2. Battersea Projects Holding Company Ltd

KWSP memegang 20% pegangan dalam Battersea Projects Holding Company Ltd, yang dimulakan pada 2012 dengan pelan induk yang terdiri daripada tujuh fasa berbeza untuk dibangunkan sepanjang 20 tahun. Kini, projek ini berada di penghujung Fasa 3.

Semasa suku berakhir Jun 2024, **BPS dalam akaunnya** telah memperuntukkan atau (provision) sejumlah RM120 juta berdasarkan IFRS 17 – Kontrak Insurans, iaitu standard perakaunan yang mula berkuat kuasa pada Januari 2023. IFRS17 adalah piawaian perakaunan yang mengawal penyediaan jaminan.

Peruntukan perakaunan ini adalah termasuk dengan jaminan sewa tertentu yang diberikan untuk 50 Electric Boulevard (Fasa 3B) iaitu sebuah bangunan pejabat yang telah siap baru-baru ini tetapi belum disewakan sepenuhnya. Namun, jumlah peruntukan IFRS17 dijangka akan berkurangan dari semasa ke semasa apabila kadar penghunian 50 Electric Boulevard meningkat.

NO SOALAN : 19

Memandangkan KWSP memegang 20% pegangan dalam Battersea Projects Holding Company Ltd, KWSP memperuntukkan sejumlah RM24 juta peruntukan IFRS17 iaitu 20% daripada RM120 juta, dan dijangka akan berkurang dari semasa ke semasa selaras dengan peningkatan kadar penghunian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan gantian baharu SMK Sebuyau setelah tender ditutup pada bulan September yang lepas dan bilakah ianya dijangka dapat disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tender bagi projek pembinaan gantian penuh Sekolah Menengah Kebangsaan Sebuyau, Sarawak telah dilaksanakan pada 05 Ogos 2024 dan ditutup pada 17 September 2024. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan penilaian tender dan pengesyoran pelantikan kontraktor akan diangkat untuk kelulusan Lembaga Perolehan (LP) pada awal November 2024. Surat Setuju Terima (SST) kepada petender yang berjaya akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada pertengahan November 2024. Tempoh pembinaan projek yang telah ditetapkan adalah selama 36 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas, rancangan pengurusan kawasan parking, rancangan integrasi perkhidmatan kenderaan awam dan rancangan memberi peluang kepada peniaga kecil di kawasan RTS dalam Parlimen Pulaui yang dijangka siap pada 2026.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, RTS Link merupakan sebuah sistem pengangkutan rel yang akan menghubungkan Johor Bahru dan Woodlands North, Singapura. Pengoperasian RTS Link yang dijangka bermula pada 31 Disember 2026 dapat mengurangkan masalah kesesakan trafik di sempadan Malaysia – Singapura.

2. Bagi menyokong perkhidmatan RTS Link dan menyuraikan kesesakan lalu lintas di Johor Bahru, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah merancang beberapa pembangunan untuk pengangkutan awam yang lebih holistik seperti:

- (a) penambahan perkhidmatan komuter setelah projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru yang dijangka siap menjelang tahun 2025;
- (b) menambah baik perkhidmatan myBAS dengan memperkenalkan myBAS JB 2.0 yang melibatkan penambahan laluan dan penambahan jumlah bas di Johor Bahru termasuk sambungan ke Stesen Bukit Chagar bagi perkhidmatan RTS Link; dan
- (c) laluan rel metro berkapasiti sederhana (*medium capacity*) baharu atau setara yang akan memberi manfaat kepada penduduk setempat bagi kedua-dua daerah.

3. Di samping itu, kemudahan parkir bertingkat yang menempatkan sebanyak 1,500 tempat letak kereta dan 1,000 tempat letak motosikal juga akan dibina di Stesen Bukit Chagar. Manakala, jalan-jalan utama seperti Jalan Tun Abdul Razak dan Persimpangan 8 yang menghubungkan Kompleks ICQ baharu dan Ibrahim International Business District (IIBD) juga sedang giat dibina untuk dinaik taraf.

NO SOALAN : 21

4. Kompleks ICQ yang kini sedang dibina bakal menempatkan ruang niaga untuk kemudahan para pengguna perkhidmatan RTS Link. Permohonan untuk menjalankan perniagaan di ruang niaga ini akan dibuka kepada orang awam yang berminat kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BT
MAJILIS @ FAKHARUDY [KOTA BELUD]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BT MAJILIS @ FAKHARUDY [KOTA BELUD] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi pembinaan baru dan pemasangan lampu jalan termasuk lampu solar kepada Kementerian Kerja Raya dan agensi yang berkaitan pada tahun 2025 khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan menyediakan peruntukan yang sewajarnya bagi program menaik taraf infrastruktur keselamatan jalan raya serta penyelenggaraan lampu jalan di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah. Aktiviti tersebut dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya secara berfasa dan berdasarkan keutamaan.

Pada tahun 2023, sebanyak RM27 juta telah disediakan dan telah meningkat kepada RM150.5 juta pada tahun 2024 bagi memastikan lebih banyak kawasan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini. Lanjutan itu, sebanyak RM178 juta (peningkatan 18.27%) telah diperuntukkan pada tahun 2025 bagi program menaik taraf infrastruktur keselamatan jalan raya serta penyelenggaraan lampu jalan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN
ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan status projek RP4 RMKe-12 dalam pembinaan bangunan baharu untuk Kelas Program Pendidikan Khas Integrasi serta lain-lain kemudahan yang merangkumi sebanyak 116,044 bilangan murid berkeperluan pendidikan khas di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus komited untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). KPM berusaha memperluas kelas pendidikan khas bagi menampung peningkatan enrolmen MBPK dengan menambah bilangan kelas di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sedia ada dan menambah bilangan PPKI baharu pada setiap tahun.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan 4* (RP4) tahun 2024, KPM telah menerima kelulusan sebanyak 18 projek pembinaan blok baharu PPKI dengan kos sebanyak RM180 juta. Sehingga 2 Oktober 2024, status kemajuan bagi semua projek tersebut adalah pada peringkat Prabina yang merangkumi proses kerja awalan di tapak, reka bentuk dan penyediaan dokumen tender di bawah agensi pelaksana, iaitu Jabatan Kerja Raya.

KPM turut membekalkan peralatan dan bahan sokongan pembelajaran pendidikan khas yang terkini untuk keperluan pengajaran dan pembelajaran (PdP) MBPK di sekolah melibatkan peruntukan sebanyak RM 6,737,855.00 juta kepada 355 sekolah melibatkan seramai 8,289 MBPK. Pembekalan dilaksanakan berdasarkan kepada bilangan dan jenis ketidakupayaan mereka. Antara peralatan yang dibekalkan ialah kit motor halus, trampolin, mesin Braille, kalkulator saintifik bersuara, kanta pembesar elektronik – (close circuit television magnifier), *set maker kit*, *soft play tunnel set*, *nursery set*, *hand held magnifier*, *visualizer* dan *smartboard*.

Di samping itu, KPM juga menyediakan pembekalan peralatan bengkel kepada sekolah yang melaksanakan Program Pensijilan Kemahiran Malaysia (SKM) bagi tahun 2024 dengan kos sebanyak RM 4,654,802.00. Pembekalan peralatan berjumlah RM 2,965,347.00 turut diperuntukkan kepada 25 program kemahiran yang ditawarkan di lima sekolah pendidikan khas. Selain itu, KPM juga memperuntukkan RM 1,689,455.00 kepada 65 PPKI yang melaksanakan empat program Kurikulum Vokasional Spesifik (KVS) seperti Penyediaan dan Pembuatan Makanan, Operasi Pengeluaran Tanaman, Pembuatan Roti serta Pembuatan Pastrri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) perkembangan terkini mengenai Program Mentor HIP (Highly Immersive Programme); dan
- (b) prosedur untuk memohon menjadi seorang mentor bagi Program Mentor HIP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan projek rintis *Highly Immersive Programme Mentor* (HIP Mentor) di 21 buah sekolah di lima negeri bermula dari tahun 2018 hingga 2019. Seramai 20 mentor yang terdiri daripada pesara guru dan pensyarah bahasa Inggeris terlibat dalam projek ini secara sukarela.

Kajian keberkesanan projek rintis mentor ini telah dilaksanakan bermula pada 2 Oktober sehingga 4 November 2019. Hasil kajian menunjukkan 94.4 peratus pemimpin dan guru memberikan reaksi positif terhadap projek rintis HIP Mentor. Sebanyak 92.3 peratus menyokong projek rintis HIP Mentor diteruskan kerana membantu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris. Manakala didapati 91.0 peratus menyokong projek rintis HIP Mentor ini membantu dalam memupuk sikap positif terhadap bahasa Inggeris. Selain itu, sebanyak 93.7 peratus menyokong bahawa projek ini membawa keberhasilan yang positif dalam membentuk persekitaran pembelajaran bahasa Inggeris.

Bagi maklum balas murid pula, didapati 92.0 peratus murid menunjukkan reaksi positif terhadap HIP Mentor. Sebanyak 91.4 peratus murid menyokong bahawa HIP Mentor menggalakkan mereka menggunakan bahasa Inggeris. Selain itu, sebanyak 91.5 peratus murid menyokong bahawa HIP Mentor sangat membantu dalam memupuk sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Inggeris.

Projek ini telah ditangguhkan sementara disebabkan oleh pandemik COVID 19 yang bermula pada tahun 2020. Pada tahun 2024, KPM telah menetapkan untuk meneruskan usaha murni pelaksanaan Program HIP Mentor bagi tahun 2025. HIP Mentor ini akan mensasarkan sekolah rendah dan menengah yang masih berada pada tahap 1 dan 2 skala HIP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program HIP Mentor melibatkan pesara guru dan pensyarah bahasa Inggeris sebagai sukarelawan atau digelar HIP Mentor. Syarat dan kelayakan untuk menjadi

HIP Mentor adalah seperti berikut:

- i. pesara guru/pensyarah Bahasa Inggeris;
- ii. lulusan ijazah bidang pengajian bahasa Inggeris;
- iii. fasih dalam kesemua kemahiran berbahasa Inggeris;
- iv. mempunyai pengetahuan tentang pedagogi bahasa Inggeris;
- v. memiliki kemahiran dalam bidang teknologi maklumat; dan
- vi. berumur 55 hingga 65 tahun dan sihat fizikal dan mental.

Pesara guru dan pensyarah yang ingin melibatkan diri di dalam Program HIP Mentor boleh memohon melalui saluran-saluran berikut:

- a. Pengiklanan melalui media cetak, elektronik dan saluran media sosial KPM; dan
- b. Permohonan secara terus melalui e-mel atau surat kepada English Language Teaching Centre (ELTC), KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah-kaedah yang telah dan akan digunakan bagi memastikan nilai Ringgit terus meningkat selepas prestasi nilai Ringgit melonjak ke paras tertinggi berbanding Dollar Amerika dalam tempoh 34 bulan ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil tindakan terselaras sejak bulan Februari tahun ini untuk menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan korporat untuk membawa balik pendapatan pelaburan asing dan ditukarkan kepada ringgit.

Langkah ini telah membantu mewujudkan aliran dua hala yang lebih kukuh dalam pasaran pertukaran asing domestik negara. Ini dilihat dari jumlah purata hasil harian pertukaran asing telah meningkat daripada USD15 bilion (29 Disember 2023 - 26 Februari 2024) kepada USD17.3 bilion (26 Februari 2024 - 4 November 2024). **Tindakan terselaras ini telah meningkatkan kecairan pasaran mata wang asing dan secara langsungnya membantu pengukuhan nilai ringgit secara mampan.**

Komitmen teguh Kerajaan ke arah pelaksanaan pembaharuan struktur yang diperlukan akan menambah baik prospek Malaysia dan memberikan sokongan yang lebih berkekalan kepada ringgit. Pada masa ini, ekonomi Malaysia sedang berkembang dengan baik, kadar inflasi adalah rendah dan kedudukan luaran yang kukuh. Dasar di bawah kerangka Ekonomi MADANI yang sedia ada telahpun disusun untuk menyokong perkembangan ekonomi di samping memastikan daya tahan ekonomi Malaysia kekal utuh.

Kerajaan juga terus menyokong pelancongan dalam negeri dan mempromosikan kempen membeli produk buatan Malaysia secara berleluasa bagi yang berkemampuan. Di samping itu, Kerajaan turut menggalakkan lebih banyak pelaburan domestik.

Sementara itu, BNM akan terus bersedia mengambil langkah campur tangan dalam pasaran pertukaran asing (*FX Intervention*) untuk membendung pergerakan mata wang yang dianggap berlebihan. BNM komited untuk memastikan kecairan pasaran pertukaran asing yang

NO SOALAN : 25

mencukupi dan persekitaran yang kondusif bagi pengeksport, pengimport ataupun perniagaan untuk menjalankan operasi mereka.

Usaha bersepadu ini boleh menyumbang kepada prestasi positif nilai ringgit yang semakin pulih secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [GOPENG]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KAR HING [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan menilai keberkesanan dasar pembayaran bersama bagi produk insurans, takaful perubatan dan kesihatan (MHIT) yang telah berkuat kuasa pada 1 September dan apakah keberkesanan dasar itu dalam isu menangani inflasi kos perubatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance/takaful, MHIT*) yang mempunyai ciri pembayaran bersama (*co-payment*) bukanlah sesuatu yang baharu dalam pasaran Malaysia. Pada tahun 2023, sebanyak 285 produk MHIT yang mempunyai ciri pembayaran bersama telah ditawarkan oleh 33 (atau hampir 80%) penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators, ITO*).

Sejajar dengan matlamat untuk memastikan pengguna diberi lebih banyak pilihan produk MHIT pada kos yang lebih rendah, semua ITO sekarang dikehendaki untuk menawarkan produk MHIT yang mempunyai ciri pembayaran bersama bermula 1 September 2024. Pada masa yang sama, ITO masih boleh terus menawarkan produk MHIT sedia ada tanpa ciri pembayaran bersama kepada pengguna. Langkah ini membolehkan pengguna untuk membuat perbandingan produk yang bersesuaian dengan keperluan kewangan dan taraf kesihatan mereka.

Pengambilan produk MHIT dengan ciri pembayaran bersama yang lebih meluas secara beransur-ansur akan mempengaruhi tahap dan kadar penggunaan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan seterusnya menyumbang kepada inflasi kos perubatan di Malaysia yang lebih perlahan.

Penilaian atau kajian impak terhadap keberkesanan dasar ini masih di peringkat awal. Sebelum dasar ini diperkenalkan, pengambilan produk MHIT dengan ciri pembayaran bersama kekal rendah, tetapi dijangka akan meningkat dengan penyebaran maklumat dan inisiatif kesedaran yang lebih baik di kalangan pengguna, serta penawaran produk yang lebih meluas oleh ITO. Penelitian seterusnya ke atas trend penggunaan kesihatan secara menyeluruh akan mengambil beberapa tahun.

Berdasarkan pengalaman di beberapa buah negara, ciri pembayaran bersama merekodkan pengalaman tuntutan yang lebih baik

dalam tempoh jangka masa panjang. Contohnya di negara jiran (Singapura), pertumbuhan insiden tuntutan bagi produk yang mempunyai ciri pembayaran bersama adalah 9% hingga 15% lebih rendah berbanding produk tanpa ciri pembayaran bersama antara tahun 2015 hingga 2020. Purata jumlah bil hospital juga adalah 20% lebih rendah bagi produk yang mempunyai ciri pembayaran bersama.

Pengenalan ciri pembayaran bersama adalah hanya salah satu langkah untuk mengawal inflasi kos perubatan dan perlu dilengkapi dengan tindakan bersepadu daripada semua pihak berkepentingan melalui pendekatan seluruh negara (*whole-of-nation approach*), selaras dengan reformasi di bawah Kertas Putih Kesihatan. Ini termasuk meningkatkan ketelusan kos rawatan, pengamalan mekanisme pembayaran menurut Diagnosis-Related Group (DRG), mengutamakan penyampaian penjagaan kesihatan primer dan pencegahan penyakit, serta mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah kes kekerasan yang dilakukan oleh Ah Long (peminjam wang secara haram) termasuk membaling *molotov cocktail* dalam 5 tahun terkini (2020-2024) mengikut negeri dan daerah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik keseluruhan kes-kes yang melibatkan kekerasan yang dilakukan oleh Ah Long (peminjam wang secara haram) yang dilaporkan di seluruh negara bagi **tahun 2020 hingga Ogos 2024** ialah sebanyak **1,965 kes**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memandangkan pengetahuan komputer dan *Artificial Intelligence* (AI) adalah sangat penting dalam dunia ini, adakah Kementerian merancang untuk menjadikan sains komputer dan AI sebagai subjek teras atau wajib di sekolah rendah dan menengah bagi memastikan pelajar kita mahir dalam pengetahuan komputer dan AI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat komited untuk memastikan murid mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi dan digital termasuklah kecerdasan buatan (AI).

Murid mempelajari mengenai komputer dan pengetahuan AI dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Pengetahuan komputer dan kemahiran AI diterapkan melalui mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Tahap II bagi semua murid. Pada peringkat menengah rendah, murid boleh meneruskan pembelajaran melalui mata pelajaran RBT atau Asas Sains Komputer. Seterusnya, murid boleh membuat pilihan untuk mempelajari mengenai pengetahuan dan kemahiran AI dalam mata pelajaran Sains Komputer atau Reka Cipta pada peringkat menengah atas.

Menyedari kepentingan teknologi dan digital, Kurikulum Persekolahan 2027 menjadikan Fasih Digital sebagai satu daripada tujuh kompetensi yang perlu dikuasai oleh murid. Murid fasih digital berkemampuan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah serta mencipta sesuatu yang baharu dengan menggunakan konsep pemikiran komputasional.

Pengetahuan komputer dan kemahiran AI akan diteruskan dalam mata pelajaran baharu berkaitan dengan teknologi dan digital. Pembelajaran AI ini boleh dibahagikan kepada dua pendekatan iaitu belajar dengan AI dan belajar tentang AI. Topik berkaitan AI dipetakan secara menyeluruh dalam mata pelajaran baharu bermula daripada peringkat asas di sekolah rendah, seterusnya peringkat pertengahan di menengah rendah dan peringkat lanjutan di menengah atas.

KPM sentiasa berusaha menambah baik sistem pembelajaran berasaskan teknologi dan digital secara berterusan untuk memastikan murid bersedia menghadapi cabaran dan peluang masa depan yang membabitkan teknologi pintar seperti AI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk:

- (a) mengurangkan tambang penerbangan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur ulang-alik melambung naik dengan teruk dan menjejaskan perniagaan dan ekonomi Sabah; dan
- (b) memberi lesen dan hak mendarat kepada Sabah Air Aviation supaya dapat membuat penambahan penerbangan dan code-sharing dengan syarikat penerbangan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk memastikan tambang penerbangan adalah berpatutan untuk rakyat, terutamanya pada tempoh puncak seperti musim perayaan.
2. Oleh itu, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif subsidi untuk tempoh perjalanan musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, dan Krismas, di mana tambang penerbangan kelas ekonomi sehala untuk penerbangan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak, dan Labuan ditetapkan pada kadar maksimum RM599, tidak termasuk cukai, fi dan caj, dengan Kerajaan memberi subsidi perbezaan tambang dengan tambang maksimum untuk kerusi yang terjual sahaja.
3. Selain itu, Kerajaan turut memperkenalkan inisiatif FLYsiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
4. Bantuan subsidi FLYsiswa dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan tempatan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

5. Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi. Walau bagaimanapun, keputusan untuk meningkatkan kekerapan bagi laluan tersebut adalah keputusan komersial yang dibuat oleh syarikat penerbangan berasaskan kepada daya maju komersial (*commercial viability*) laluan. Buat masa ini, terdapat 300 penerbangan seminggu bagi laluan di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu.

6. Untuk makluman Yang Berhormat, Sabah Air adalah pemegang Permit Perkhidmatan Udara (*Air Service Permit-ASP*) untuk melakukan perkhidmatan penerbangan tidak berjadual sahaja. Setakat ini, pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MACVOM) tidak menerima sebarang permohonan bagi Lesen Perkhidmatan Udara (*Air Service Licence-ASL*) yang membolehkan Sabah Air melakukan penerbangan berjadual dan *code-sharing* dengan syarikat penerbangan lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan pengambilan khas guru di Sarawak untuk tahun 2024 akan dapat menyelesaikan isu kekurangan guru di kawasan luar bandar dan pedalaman serta adakah ianya turut menglibatkan pengambilan lebih banyak guru untuk mengajar subjek Bahasa Iban.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu kekurangan guru di Sarawak, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan pengambilan khas bagi Negeri Sarawak tahun 2024. Urusan pengambilan khas ini dilaksanakan secara lantikan kontrak (interim) bagi graduan pendidikan dan secara *Contract of Service* (CoS) bagi graduan bukan pendidikan.

Iklan pengambilan khas bagi Negeri Sarawak tahun 2024 telah dihebahkan pada 1 hingga 23 Ogos 2024. Urusan temu duga dilaksanakan oleh SPP bermula pada bulan Oktober 2024. Keputusan temu duga dijangka akan dikeluarkan pada November 2024.

Urusan pengambilan khas Negeri Sarawak tahun 2024 adalah berdasarkan kekosongan jawatan mengikut opsyen seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan termasuklah Bahasa Iban.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keperluan guru Bahasa Iban pada 30 September 2024 adalah seramai 515 orang dengan pengisian seramai 505 orang. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekosongan seramai 10 orang. Pengisian jawatan ini adalah bergantung kepada bekalan calon yang berjaya dalam temu duga oleh SPP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jaminan menubuhkan Jawatankuasa Khas PPD Sabah untuk menangani isu sekolah tanpa OC di Sabah. Hanya 3 daripada 48 sekolah di Tawau mempunyai OC, mencerminkan situasi sekolah di seluruh Sabah, menyukarkan permohonan peruntukan pembaikan, perlindungan insurans, dan menjejaskan keselamatan pelajar serta guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan Sijil Menduduki Bangunan (OC)/CCC bagi sekolah-sekolah di seluruh negara termasuk di Sabah. KPM telah menekankan keperluan pematuhan OC/CCC bagi projek pembinaan sekolah sejak pelaksanaan projek dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan kewajipan pematuhan keperluan ini juga terpakai bagi projek-projek KPM di bawah pelaksanaan JKR Malaysia dan JKR Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 8 buah sekolah di daerah Tawau yang sudah mempunyai OC iaitu SMK Titingan, SMK Kinabutan 2, SJK (C) Chung Hwa, SJK (C) Hing Hwa, SJK (C) Kung Ming, SJK (C) Kuok Ming, SJK (C) Phui Yuk dan SJK (C) Sin Hwa.

Bagi baki 40 buah sekolah di daerah Tawau yang masih belum mempunyai OC, Pejabat Pendidikan Daerah Tawau telah mengemukakan permohonan pemutihan mendapatkan OC bagi sekolah-sekolah Daerah Tawau kepada Majlis Perbandaran Tawau (MPT) pada 8 Oktober 2024. Satu Jawatankuasa Pemandu juga telah diwujudkan diperingkat Pejabat Pendidikan Daerah Tawau dengan kerjasama MPT bagi mengatasi isu sekolah yang tidak mempunyai OC.

Selain tu, bagi mengatasi isu sekolah yang tidak mempunyai OC, KPM telah menyuarakan isu keperluan mendapatkan OC bangunan sekolah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bersama Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah (JKPNS) pada 23 September 2024 yang merupakan medium bagi membincangkan mengenai kaedah penyelesaian sekolah-sekolah yang perlu mendapat OC. Perkara ini juga turut diperhalusi bersama Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan berkenaan kaedah yang bersesuaian bagi mendapatkan OC untuk sekolah-sekolah yang masih tidak mempunyai OC.

NO SOALAN : 31

Walaupun terdapat sekolah-sekolah di Sabah yang masih belum mempunyai OC, KPM sentiasa memastikan penyelenggaraan berkala dibuat bagi bangunan-bangunan sekolah yang berdaftar dengan KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca kenaikan nilai matawang Malaysia baru-baru ini dan bagaimana kenaikan ini memberi impak positif kepada ekonomi negara. Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk memastikan kenaikan nilai ringgit berterusan dan lebih stabil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Komitmen teguh Kerajaan dalam melaksanakan pembaharuan struktur telah menambah baik prospek ekonomi Malaysia seterusnya memberikan sokongan yang berterusan kepada ringgit. Pada masa ini, ekonomi Malaysia sedang berkembang baik dengan inflasi kekal rendah dan kedudukan luaran yang kukuh.

Peningkatan nilai ringgit dijangka memberi impak positif kepada ekonomi negara dari segi:

- a. Mengurangkan kos import seterusnya memberi manfaat kepada pengguna dan perniagaan yang bergantung kepada bahan mentah dari luar negara; dan
- b. Merencanakan aktiviti pelaburan dengan menarik lebih banyak pelaburan asing dan dalam masa sama meningkatkan keyakinan pelabur tempatan. Perkara ini akan memberi ruang kepada Kerajaan untuk melaksanakan dasar ekonomi secara lebih baik dan berkesan.

Kerajaan terus komited dan fokus terhadap pelaksanaan polisi pembaharuan struktur yang bertunjangkan Kerangka Ekonomi MADANI. Pembaharuan struktur ini dijangka dapat meningkatkan daya tarikan jangka masa panjang Malaysia kepada pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*) berkualiti yang seterusnya akan menyumbang kepada penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi serta berpendapatan tinggi.

Sementara itu, Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus bersedia mengambil langkah campur tangan dalam pasaran pertukaran asing (*FX Intervention*) untuk membendung pergerakan mata wang yang dianggap berlebihan. BNM komited untuk memastikan kecairan pasaran pertukaran asing yang mencukupi dan persekitaran yang kondusif bagi pengeksport, pengimport ataupun perniagaan untuk menjalankan operasi mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian terkini pembangunan sekolah daif di daerah Kudat dan Pitas melalui Pelan Rancangan mengikut keutamaan Kementerian. Berapa peratus pencapaian pelaksanaan pembangunan tersebut berdasarkan perancangan sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat sebanyak tujuh projek pembangunan semula bangunan daif di daerah Kudat dengan kos projek berjumlah RM82.20 juta. Sehingga 7 Oktober 2024, status terkini pelaksanaan projek adalah empat projek telah siap, dua projek pada peringkat bina dan satu projek pada peringkat bina.

Di daerah Pitas pula, terdapat sebanyak 17 projek pembangunan semula bangunan daif di sekolah dengan kos projek berjumlah RM151.23 juta. Sehingga 7 Oktober 2024, status terkini pelaksanaan projek ialah sembilan projek telah siap dan lapan projek pada peringkat bina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMOR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan penyelenggaraan yang diberikan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil bagi tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2024 sebanyak RM19.49 juta peruntukan penyelenggaraan telah disalurkan kepada SJKC Sekolah Kerajaan (SK), manakala bagi SJKC Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) pula sebanyak RM44.33 juta.

Bagi SJKT, sehingga 31 Oktober 2024 sebanyak RM7.55 juta peruntukan penyelenggaraan telah disalurkan kepada SJKT SK, manakala bagi SJKT SBK pula sebanyak RM17.63 juta.

Pada masa yang sama, peruntukan sebanyak RM134 juta telah disediakan untuk tujuan penyelenggaraan kecil tandas bagi 1919 buah SBK dengan setiap satu siling peruntukan sebanyak RM70 ribu setiap sekolah.

Jumlah siling peruntukan penyelenggaraan tandas tahun 2024 untuk 887 buah SJKC Sekolah Bantuan Kerajaan adalah sebanyak RM62.09 juta. Jumlah siling peruntukan penyelenggaraan tandas tahun 2024 untuk 363 buah SJKT Sekolah Bantuan Kerajaan adalah sebanyak RM25.41 juta.

Penyaluran peruntukan adalah berdasarkan keperluan dan susunan keutamaan yang dikemukakan kepada KPM oleh sekolah melalui pejabat pendidikan daerah (PPD), jabatan pendidikan negeri (JPN) dan bahagian. KPM akan memastikan peruntukan penyelenggaraan diagihkan dengan adil dan sewajarnya kepada semua jenis sekolah KPM sama ada SK atau SBK.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**
[AYER HITAM]
TARIKH : **5 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menghentikan pemberian insentif kepada para pengeluar gula sekiranya cukai baharu ke atas minuman bergula diperkenalkan dan sejauh manakah pengurangan penggunaan minuman bergula di seluruh negara selepas pelaksanaan kenaikan cukai gula kepada 50 sen seliter dalam Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa peka dengan keperluan rakyat terutamanya dalam memastikan keperluan asas rakyat adalah mencukupi. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah memberikan insentif khas kepada pengilang gula untuk memastikan keberadaan bekalan gula di pasaran kekal stabil bagi memenuhi keperluan rakyat dan pengeluar gula tidak mengalami kerugian berikutan kenaikan harga gula mentah memandangkan gula mentah adalah diimport sepenuhnya dari luar negara dan ia menyumbang 80% daripada kos keseluruhan pengoperasian pengeluar gula.

Untuk makluman, **tiada cukai baharu diperkenalkan ke atas minuman bergula**. Pengenaan duti eksais ke atas minuman bergula telah diperkenalkan melalui Belanjawan 2019 pada kadar 40 sen dan dinaikkan sebanyak 10 sen kepada 50 sen melalui Belanjawan 2024. Terkini, kenaikan 40 sen diumumkan melalui Belanjawan 2025 menjadikan keseluruhan duti eksais adalah sebanyak 90 sen seliter dan hanya dikenakan terhadap 3 kategori minuman bergula sedia diminum (*ready to drink*) yang dikilangkan dalam negara atau diimport dari luar negara. Minuman tersebut tertakluk kepada duti berkenaan sekiranya kandungan gula melebihi nilai ambang (*threshold*) yang telah ditetapkan.

Pengenaan duti eksais gula ini bertujuan untuk mengurangkan penggunaan minuman manis, seterusnya mengurangkan pengambilan gula dalam kalangan orang ramai. Sejak diperkenalkan pada tahun 2019, pengurangan penggunaan minuman bergula mencatatkan penurunan sebanyak 9.25 peratus di seluruh negara. Langkah ini juga adalah selaras dengan kempen Perang Terhadap Gula atau *War on Sugar* yang telah dilancarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 2 Ogos 2024.

Langkah ini akan mendorong pengeluar minuman bergula melakukan formulasi semula (*reformulation*) produk minuman bergula mereka supaya kandungan gula tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan. Justeru, pengguna akan mempunyai lebih banyak pilihan

produk minuman yang lebih sihat, seterusnya membantu mengurangkan prevalen obesiti dan penyakit tidak berjangkit berpunca daripada pemakanan yang tidak seimbang dan tidak berkhasiat.

Selaras dengan saranan WHO juga, Kerajaan akan terus mengkaji kaedah terbaik untuk mengurangkan penggunaan gula dalam makanan harian termasuk mengkaji semula pemberian insentif khas kepada pengeluar gula tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan selain sekolah daif, sekolah sedia ada perlu ditambah peruntukan untuk pembaikan kantin dan sebagainya. Adakah Kementerian bercadang memberi setiap sekolah geran penyelenggaraan tahunan mengikut keperluan. Penilaian semula kadar bantuan/geran perlu dibuat oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan komited terhadap kebajikan dan kesihatan murid meliputi pelbagai aspek, termasuk perkhidmatan kantin sekolah, dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan.

Seperti yang dinyatakan dalam pembentangan Belanjawan 2025, KPM telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk membaik pulih kantin dan musolla. Sehubungan itu, KPM akan mengenal pasti senarai sekolah yang memerlukan pembaikan kantin dan musolla dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 5 NOVEMBER 24 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status permohonan Pulau Pinang melalui JPS Negeri berhubung kelulusan projek-projek tebatan banjir berkepentingan tinggi membabitkan Sungai Perai serta Sungai Juru. Nyatakan juga hasil-hasil kajian membabitkan kedua-dua sungai berkaitan dan cabangnya bagi membolehkan ia terus berfungsi secara optimum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan memohon semula Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Perai, Pulau Pinang Fasa 2 di dalam Rancangan Malaysia ke-13. Projek Pemuliharaan Sungai Juru di Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang telah dipohon di bawah Rolling Plan (RP5), RMKe-12 dan sedang dalam pertimbangan Kementerian Ekonomi.

2. Sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, sebanyak RM550 ribu telah disalurkan kepada Parlimen Batu Kawan pada tahun 2022 dan 2023 untuk melaksanakan kerja-kerja pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan. Pada tahun ini pula, sebanyak RM100 ribu diperuntukkan untuk melaksanakan dua (2) sebutharga yang akan siap pada Disember 2024.

3. Sebagai langkah penyelesaian jangka panjang, JPS turut melaksanakan pendekatan bukan struktur dengan melaksanakan kajian Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management* -IRBM). IRBM mengemukakan cadangan menangani isu-isu strategik sebagai rujukan Kerajaan Negeri dalam merancang pembangunan agar selari dengan matlamat pemeliharaan kelestarian alam sekitar. Selaras itu, empat (4) objektif utama IRBM adalah memastikan air mencukupi, memastikan air bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar.

4. Pelan IRBM Sungai Perai, Pulau Pinang/Kedah yang telah siap pada 2019 mencadangkan 12 pelan tindakan dengan anggaran kos sebanyak RM6.3 bilion melalui cadangan perlindungan banjir sehingga 100 *Average Recurrence Interval* (ARI). Manakala Pelan IRBM Sungai Juru yang telah siap pada tahun 2021 mencadangkan lima (5) pelan tindakan dengan anggaran kos sebanyak RM3.4 billion melalui cadangan perlindungan banjir sehingga 100 tahun ARI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan strategi yang dicadangkan untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap penyelenggaraan pesawat Malaysia Airlines dan memastikan ia beroperasi secara kompetitif dalam pasaran penerbangan global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) prihatin dan memandang serius aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dalam memastikan pertumbuhan industri penerbangan selari dengan pematuhan terhadap piawaian-piawaian keselamatan yang telah ditetapkan.

2. Salah satu strategi bagi memulihkan keyakinan penumpang terhadap syarikat Malaysia Airlines (MAB) adalah berdasarkan kepada hasil laporan *On-Time Performance* ("OTP") Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Pada April tahun ini, MOT dan MAVCOM telah menetapkan sasaran OTP 85% dan penerbangan 80% mematuhi jadual pada setiap masa bagi syarikat penerbangan Malaysia yang beroperasi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 dan 2 dan dalam peringkat merangkumkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa serta lapangan terbang domestik yang lain selain KLIA. Keputusan prestasi syarikat penerbangan itu diterbitkan di laman web MAVCOM. MAVCOM bercadang untuk memperluaskan penerbitan prestasi syarikat penerbangan bagi merangkumi pelepasan penerbangan dari lapangan terbang lain di Malaysia.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) selaku Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab dalam pengawalseliaan teknikal penerbangan awam negara telah meningkatkan pemantauan dan menjalankan siasatan terhadap sebarang insiden yang melibatkan pesawat-pesawat kendalian syarikat-syarikat penerbangan Malaysia.

4. Dalam hubungan ini, CAAM telah menjalankan siasatan mengejut ke atas syarikat penerbangan MAB termasuk syarikat MAB Engineering Services (MABES) dengan izin yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan pesawat-pesawat MAB pada 24 hingga 28 Jun 2024.

5. Berdasarkan dapatan siasatan tersebut, antara isu signifikan yang menyumbang kepada beberapa insiden teknikal pesawat MAB adalah

kemungkinan disebabkan masalah komponen mekanikal dan kekurangan tenaga pekerja mahir yang diperlukan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pesawat dan meningkatkan tahap keberkesanan sistem pengurusan kualiti serta sistem pengurusan perihal selamat oleh syarikat penerbangan MAB dan MABES.

6. Oleh yang demikian, bagi mengenal pasti tindakan penambahbaikan terhadap hasil siasatan mengejut CAAM, MAB telah menyediakan pelan mitigasi antaranya adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan pesawat ke tahap waspada bagi membolehkan fokus diberikan terhadap kebolehpercayaan pesawat.

7. Pada masa yang sama, MAB juga telah melaksanakan proses perolehan pesawat baharu sebagai salah satu strategi meningkatkan keyakinan penumpang terhadap syarikat penerbangan tersebut selain memastikan ketersediaan pesawat yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penerbangan yang telah dijadualkan.

8. Bagi memperkukuhkan aspek-aspek penyelenggaraan pesawat, MAB telah mengambil beberapa langkah komprehensif seperti berikut:

- i) Membatalkan beberapa rangkaian penerbangan dalam dan luar negara secara sementara. Langkah pembatalan rangkaian penerbangan ini adalah perlu bagi memastikan ketahanan jangka panjang pesawat dan keteguhan operasinya. Melalui pembatalan rangkaian penerbangan secara sementara ini akan membolehkan penyelenggaraan yang lebih proaktif dilakukan terhadap pesawat, mengurangkan risiko kerosakan pesawat dan memberikan pengalaman penerbangan yang terbaik kepada pelanggan. Keputusan ini juga adalah untuk memastikan standard keselamatan MAB bukan hanya dikekalkan tetapi diperkukuhkan;
- ii) MAB juga telah menjalankan siasatan menyeluruh terhadap isu teknikal semasa dengan mengenal pasti dan membetulkan punca, serta menambah baik protokol dan

prosedur penyelenggaraan bagi memastikan piawaian keselamatan yang ditetapkan dapat dicapai;

- iii) Semua langkah penyelesaian masalah (*troubleshooting*) yang diperlukan untuk mengasingkan kerosakan sedang dilakukan menggunakan manual penyelenggaraan pesawat terkini yang telah diluluskan. Dalam hal ini, MAB telah menggunakan teknologi moden dalam penyelenggaraan pencegahan dan ramalan untuk menjangka dan menangani isu sebelum ianya menjadi kritikal;
- iv) MAB juga sedang bekerjasama rapat dengan pengeluar pesawat dan enjin serta rangkaian pembekal yang berkaitan untuk menangani isu rantai bekalan dan teknikal;
- v) Di samping itu, MAB juga sedang memberikan tumpuan kepada peningkatan latihan dan pengambilan pekerja bagi menangani isu peningkatan permintaan dan kompleksiti pesawat moden; dan
- vi) Secara kolektifnya, langkah-langkah ini dilakukan bertujuan untuk memulihkan keyakinan penumpang dan bagi memastikan penerbangan yang lebih selamat serta lebih dipercayai oleh penumpang.

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan audit terkini CAAM ke atas syarikat MAB, tempoh pembaharuan Sijil Perakuan Pengendali Udara (AOC) akan dikurangkan daripada tiga tahun kepada satu tahun sahaja bermula 1 September 2024 hingga 31 Ogos 2025. Oleh yang demikian, syarikat penerbangan perlu melalui proses pengauditan yang lebih kerap sebelum AOC diperbaharui. Hal ini akan memastikan MAB lebih peka dan mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sewajarnya sebagai mana pelan mitigasi yang telah dikemukakan oleh CAAM.

10. CAAM akan meneruskan pemantauan dan menjalankan pengauditan keselamatan terhadap semua pesawat yang dimiliki oleh

syarikat-syarikat penerbangan yang beroperasi dalam negara dalam memastikan aspek-aspek keselamatan dan perihal selamat dipatuhi sewajarnya. Kementerian ini menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan berkompromi dalam perkara yang melibatkan keselamatan penumpang penerbangan.

11. Kerajaan melalui YAB Perdana Menteri telah menyatakan komitmen untuk memastikan kejayaan syarikat MAB kerana ia merupakan syarikat penerbangan nasional dan harus kembali sebagai syarikat penerbangan utama negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan Sekolah Menengah Matu yang baharu. Bilakah projek ini akan bermula dan siap sepenuhnya. Nyatakan secara terperinci apakah komponen atau skop kerja yang akan dibina dan spesifikasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan pendidikan selesa dan kondusif.

KPM telah diluluskan projek Pembinaan Gantian Penuh 28 Bilik Darjah dan (250 Pelajar) Asrama dan Lain-Lain Kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Matu, Daro, Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) *Rolling Plan* Kedua (RP2) Tahun 2017.

Projek ini telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak untuk dilaksanakan secara Konvensional Perunding. Sehingga 3 Oktober 2024, projek telah diiklan tender pada 7 Jun 2024. Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor yang berjaya dijangka akan dikeluarkan selewatnya pada 1 November 2024 dan tempoh pelaksanaan projek adalah selama 36 bulan.

Berdasarkan keperluan, skop projek ini melibatkan pembinaan blok akademik yang mengandungi 28 bilik darjah serta kemudahan lain mengikut piawai, dewan sekolah, surau, dewan makan, asrama dan 4 unit rumah warden kelas F. Selain itu, skop projek ini juga melibatkan pembinaan 3 bilik darjah PPKI dan kemudahan lain mengikut piawai.

Berdasarkan perancangan pihak JKR Sarawak, pembinaan akan dilaksanakan menggunakan teknik atau kaedah pembinaan secara *Industrialized Building System* (IBS).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dan pihak polis untuk mengurangkan kadar jenayah perjudian haram dalam talian dan masalah sosial pengambilan dadah di kalangan belia di Sarawak yang sangat membimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri mempunyai peranan yang amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan Negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampunan dalam memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI tercapai.

Bagi tahun **2022**, sebanyak **1,320** serbuan berjaya dilaksanakan oleh pihak PDRM melalui '**OP DADU JOL**' di Sarawak yang melibatkan tangkapan seramai **1,398** orang. Seterusnya bagi **tahun 2023** dan sebanyak **1,469** serbuan berjaya dilaksanakan di Sarawak melibatkan tangkapan seramai **1,522** orang dan seramai. Manakala Op Dadu yang dilaksanakan di Sarawak **sehingga September 2024** pula sebanyak **782** serbuan berjaya dilaksanakan di Sarawak melibatkan tangkapan seramai **856** orang.

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah judi dalam talian (*online*). Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan ini, sama ada oleh orang perseorangan atau kumpulan sindiket. Antaranya adalah:

- (i) PDRM sentiasa mengenalpasti modus operandi yang terkini oleh pihak sindiket yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan teknologi;
- (ii) Tindakan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan ini termasuklah penjaga premis dan penganjur kegiatan perjudian haram di bawah peruntukan undang-undang berkaitan judi sedia ada seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1957 dan Akta Pertaruhan 1953;

- (iii) Tindakan yang lebih keras juga akan diambil di bawah peruntukan undang-undang lain yang berkaitan iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001;
- (iv) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi sekatan laman sesawang perjudian di bawah Sek. 263 (2) Akta Komunikasi Multimedia;
- (v) Bekerjasama dengan syarikat-syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis yang sering digunakan oleh sindiket perjudian; dan
- (vi) PDRM juga telah mencadangkan agar penelitian undang-undang berkaitan judi sedia ada bagi tujuan pindaan penambahbaikan bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan *modus operandi* sindiket perjudian ini terutamanya perjudian atas talian (*online*). Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut dilibatkan di dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa. Pindaan akta di bawah Kementerian Kewangan ini adalah berkaitan hukuman berat dan penalti yang dikenakan kepada operator/penganjur yang tidak dilesenkan dan pemain/punters bagi tujuan membanteras aktiviti perjudian yang tidak dilesenkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani ancaman dadah pula, antara tindakan dan langkah yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia melalui Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) adalah dengan melaksanakan operasi “Op Tapis” secara berterusan termasuk di Sarawak. Selain operasi yang berterusan setiap hari, JSJN juga melancarkan “Op Tapis Khas” yang melibatkan seluruh negeri di Malaysia bagi mengekang aktiviti dadah daripada terus

berleluasa. Op Tapis Khas ini tertumpu ke atas kawasan tumpuan penagih dadah, kawasan perladangan, kawasan perumahan, kampung nelayan dan lain-lain.

Selain daripada itu, pihak PDRM turut mengambil tindakan ke atas individu yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dadah dengan menggunakan peruntukan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah - Langkah Pencegahan Khas) 1985 bagi menahan ahli sindiket melalui Perintah Tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) atau Perintah Sekatan di lokasi yang ditentukan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). JSJN juga menyediakan 'Talian Hotline 24 Jam' yang membolehkan orang awam melaporkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti yang disyaki pengedaran dadah bagi membolehkan pihak PDRM mengambil tindakan pantas ke atas pengedar dan penagih dadah.

Pihak PDRM juga mengadakan program kesedaran bersama masyarakat setempat bagi memberi penerangan mengenai kesan-kesan negatif akibat daripada aktiviti melibatkan penyalahgunaan dadah. Bagi tahun 2024, PDRM telah mengadakan 70 ceramah di sekolah-sekolah seluruh Sarawak, 14 sesi dialog di peringkat daerah-daerah di Sarawak, selain 38 pameran mengenai kesedaran bahaya dadah. PDRM juga mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri Sarawak dari masa ke semasa.

Khusus di Sarawak bagi menangani ancaman dadah, JSJN telah menubuhkan Unit Sekretariat Nukleus Narkotik (SNN) Sarawak yang mempunyai perjawatan dengan jumlah kekuatan (5) orang mengikut perjawatan iaitu (1) pegawai dan (4) anggota pangkat rendah (APR).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**
TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana rasionalisasi subsidi yang telah dijalankan Kerajaan hingga setakat ini telah meningkatkan ketahanan fiskal negara dan meningkatkan kecekapan pengurusan perbelanjaan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam konteks penyasaran subsidi, Kerajaan MADANI ingin menegaskan tiga perkara:

- i. Pertama, Kerajaan telah mewarisi tahap keberhutangan yang tinggi serta kedudukan fiskal yang kurang memuaskan;
- ii. Kedua, Kerajaan komited untuk melaksanakan pembaharuan fiskal ke aras pentadbiran fiskal yang bertanggungjawab serta mampan. Salah satu aspek pembaharuan fiskal adalah penyasaran subsidi; dan
- iii. Ketiga, penyasaran subsidi yang telah dilaksanakan telah berjaya mencapai penjimatan signifikan dalam mengurangkan defisit fiskal dan pada masa yang sama, memastikan majoriti rakyat tidak terjejas.

Kerajaan MADANI telah mewarisi bebanan hutang, pada 31 Disember 2022 sebanyak RM1.1 trilion iaitu melebihi 60 peratus kepada KDNK. Pada masa yang sama, tahap defisit fiskal pada tahun 2022 adalah sekitar 100 bilion ringgit bersamaan dengan 5.5% KDNK.

Dengan itu, Kerajaan telah membuat iltizam untuk melaksanakan pembaharuan fiskal. Komitmen telah dibuat dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850] supaya antara lain mencapai defisit fiskal tidak melebihi 3% KDNK dalam tempoh jangkamasa sederhana. Ke arah itu, Kerajaan telah mengurangkan defisit daripada 5.5% KDNK tahun 2022 kepada 5.0% peratus tahun 2023 dan dianggarkan mencapai 4.3% tahun 2024. Dalam Belanjawan 2025, Kerajaan telah mensasarkan defisit fiskal lebih rendah kepada 3.8 peratus daripada KDNK. Selaras dengan pengurangan defisit, hutang baharu oleh Kerajaan berkurang daripada 100 billion ringgit tahun 2022 kepada 92.6 billion ringgit tahun 2023 seterusnya kepada anggaran 84.7 bilion ringgit pada tahun 2024 dan disasarkan 80 bilion ringgit tahun 2025.

Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negara, Kerajaan menumpukan usaha kepada memperluaskan asas hasil serta mengoptimalkan perbelanjaan, termasuk menangani ketirisan. Pelaksanaan penyasaran subsidi merupakan antara fokus utama dalam mengawal perbelanjaan. Dari segi penjimatan yang telah tercapai termasuk:

- i. Penyasaran subsidi elektrik (sejak Januari 2023) : penjimatan RM4billion setahun;
- ii. Subsidi ayam (diberhentikan November 2023) : penjimatan RM1.2billion setahun; dan
- iii. Penyasaran subsidi diesel (sejak Jun 2024) : penjimatan RM600juta sebulan

Langkah penyasaran subsidi tersebut mencapai penjimatan tanpa menjejaskan majoriti rakyat. Seumpamanya bagi elektrik, 85% daripada penggunaan tidak mengalami sebarang kenaikan tarif elektrik. Penyasaran subsidi membantu mengukuhkan kedudukan fiskal melalui pengurangan ketirisan sumber Kerajaan kepada golongan yang tidak sepatutnya menerima subsidi khususnya bukan warganegara, perniagaan dan golongan berpendapatan tinggi. Sebahagian penjimatan juga dapat diperuntukkan semula untuk kesejahteraan rakyat melalui penambahbaikan program bantuan tunai bersasar serta bantuan sosial yang lain seperti SARA dan STR.

Langkah penyasaran subsidi ini dapat meningkatkan ketahanan fiskal dengan mengurangkan perbelanjaan yang kurang produktif, sekaligus mengurangkan defisit fiskal negara. Keberhasilan langkah-langkah bagi pengukuhan fiskal terutamanya penyasaran subsidi dapat dilihat melalui trend defisit fiskal Kerajaan Persekutuan yang bertambah baik.

Kerajaan komited dalam mengharmonikan tanggungjawab fiskal dengan kesejahteraan sosial melalui usaha yang seimbang dalam mengekalkan kemampuan kedudukan fiskal di samping memastikan keberkesanan program subsidi, insentif dan bantuan. Dalam hal ini, semakan semula subsidi pukal sedia ada akan diteruskan untuk

NO SOALAN : 41

memanfaatkan golongan yang memerlukan terutamanya isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana di samping menangani ketirisan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK]

TARIKH : 5 NOVEMBER 24 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini dan persediaan Kementerian untuk proses sumber air mentah (*source work*) bagi pembangunan Loji Rawatan Air Sungai Rasau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Kolam Takungan Dwi Fungsi bagi Tebatan Banjir dan Sumber Bekalan Air Mentah Sg. Klang Sg. Rasau, Selangor (Pakej A Kolam Takungan Dwi Fungsi Sg. Rasau untuk Tebatan Banjir dan Sumber Bekalan Air Mentah) (Reka & Bina) telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* ke-4 Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) dengan peruntukan berjumlah RM1.17 bilion.
2. Makmal Pengurusan Nilai (VA) telah diadakan pada Ogos 2022 diikuti Makmal Kejuruteraan Nilai (VE) pada April 2024. Kementerian pada masa ini sedang menyediakan permohonan Notis Perubahan (NOC) berdasarkan hasil Makmal VE. Proses perolehan akan dilaksanakan setelah kelulusan NOC diperolehi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pertimbangan Kementerian bagi pengisian segera jawatan Pengetua di beberapa sekolah di Parlimen Tanjung Piai seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kukup dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tan Sri Osman Saat dan apakah kekangan yang menyebabkan kelewatan pengisian dibuat oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat unjuran keperluan pengetua dan guru besar mengikut jenis sekolah serta mengenal pasti pegawai yang berkelayakan bagi mengikuti Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) ke arah menyediakan kumpulan bakat (*talent pool*) yang mencukupi bagi pengisian jawatan Pengetua dan Guru Besar.

Cadangan pengisian jawatan pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan Tan Sri Osman Saat telah diluluskan melalui pelantikan melalui pemangkuan Gred DG48 ke Gred DG52 oleh pihak Lembaga Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Justeru, Jabatan Pendidikan Negeri Johor akan membuat tindakan susulan untuk penempatan di jawatan berkenaan.

Sementara itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah pun mengenal pasti calon yang bersesuaian untuk diperakukan sebagai pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kukup dan pencalonan tersebut akan diangkat untuk kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sebelum sebarang urusan pelantikan ke jawatan pengetua dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN MD
YASIN [PAGOH]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN MD YASIN [PAGOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian mengenai penetapan harga runcit produk petroleum berdasarkan formula Mekanisme Harga Automatik (APM) mengambil kira kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengapa harga minyak runcit yang ditetapkan tidak seperti dijanjikan lebih tinggi daripada harga yang sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan pelaksanaan penyasaran semula subsidi diesel mulai 10 Jun 2024, penetapan harga runcit diesel secara mingguan dilaksanakan melalui kaedah apungan terkawal (*managed float*) berdasarkan pengiraan dengan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Kos produk bagi petrol dan diesel yang digunakan dalam pengiraan tersebut adalah berdasarkan harga produk bahan api yang telah diproses (*refined fuel products*) semasa di peringkat antarabangsa dan mengambil kira kadar tukaran matawang US Dolar berbanding Ringgit Malaysia. Ini bermaksud penetapan harga runcit diesel secara apungan terkawal tersebut tidak hanya merujuk kepada harga minyak mentah dunia semasa.

Penetapan harga runcit susulan penyasaran semula subsidi diesel tersebut memerlukan harga diesel tanpa subsidi di pam bagi minggu pertama bermula 10 Jun 2024 dinaikkan kepada RM3.35 seliter berbanding RM2.15 seliter sejajar dengan kaedah apungan harga secara terkawal. Bagi mengurangkan kesan kenaikan harga berkenaan, Kerajaan mengekalkan subsidi diesel kepada sektor tertentu dan menyediakan bantuan kewangan supaya majoriti rakyat tidak terkesan. Ini termasuk pengekalan harga diesel bersubsidi untuk sektor pengangkutan awam dan nelayan. Manakala kenderaan barangan darat di bawah sektor logistik kekal menikmati harga diesel bersubsidi pada RM2.15 seliter di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), serta pemberian bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan kepada golongan petani, pekebun kecil dan pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak. Langkah menaikkan harga runcit diesel secara sekaligus juga merupakan langkah segera untuk membendung aktiviti penyeludupan dan ketirisan subsidi diesel.

Penyasaran subsidi diesel terbukti berjaya mengekang ketirisan akibat penyeludupan dan penggunaan oleh sektor perniagaan tidak layak. Sejak dilaksanakan, jualan diesel bersubsidi menurun 30 peratus dengan penjimatan lebih 600 juta ringgit sebulan meskipun subsidi masih

disediakan untuk pengangkutan awam, nelayan dan sektor logistik. Dan sejak dilaksanakan, harga diesel di pam telah dikurangkan 40 sen seliter kepada RM2.95 seliter.

Meskipun ketegangan geopolitik terutamanya di Asia Barat yang masih berterusan, sekaligus memberi kesan kepada harga bahan api yang diproses (*refined fuel products*) dan kadar tukaran matawang Dolar berbanding Ringgit Malaysia, Kerajaan kekal komited untuk menetapkan harga runcit diesel secara mingguan melalui kaedah apungan terkawal (*managed float*) berdasarkan pengiraan formula APM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana perancangan dan strategi Kerajaan untuk meningkatkan jaringan dan pembangunan infrastruktur pengangkutan ke arah mewujudkan ekosistem perdagangan hijau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai usaha ke arah mewujudkan ekosistem perdagangan hijau yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Melalui Dasar Pengangkutan Negara (DPN) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) bagi ketiga-tiga sektor pengangkutan darat, udara dan maritim.

SEKTOR DARAT

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah sektor darat seperti yang telah ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021 – 2030 oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) mensasarkan sebanyak 10,000 petak pegecasan kenderaan elektrik (EV) menjelang 2025. Sehingga bulan September 2024, sebanyak 3,171 unit stesen pengecas telah dibina, manakala jumlah kenderaan elektrik yang berdaftar sehingga Ogos 2024 adalah sebanyak 45,737. Kementerian Pengangkutan (MOT) menerusi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga melaksanakan pemberian insentif pengecualian fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau cukai jalan sepenuhnya kepada kategori Kenderaan Motor Elektrik (EV) bermula sejak tahun 2022.

3. Dalam usaha mengelektrifikasi pengangkutan awam pula, MOT menerusi Prasarana Malaysia Berhad (PRASARANA) mensasarkan perolehan secara berfasa sebanyak 1,450 buah bas elektrik merangkumi 250 buah bas pada fasa 1 dalam tempoh Q4 2024. Kita juga telah berjaya mengelektrifikasi sepenuhnya (100%) pengangkutan rel bandar.

4. Pada masa yang sama, MOT melalui Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sedang memperluas usaha pemasangan *solar photovoltaic* (PV) di 15 lokasi termasuklah di depoh Batu Gajah, Seremban dan Kempas, manakala MRT Corp kini sedang melaksanakan projek rintis PV di 4 lokasi iaitu di depoh MRT Sg. Buloh, depoh MRT Kajang, depoh MRT Serdang dan stesen MRT Pasar Seni, Kuala Lumpur.

SEKTOR UDARA

5. Di bawah sektor udara pula, Kerajaan telah melancarkan Pelan Halatuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Malaysia (MADB) yang menyasarkan penyahkarbonan dari sektor penerbangan berdasarkan 4 kategori langkah mitigasi yang ditetapkan *International Civil Aviation Organization* (ICAO) iaitu teknologi pesawat, penambahbaikan operasi, penggunaan *Sustainable Aviation Fuel* (SAF) dan pengimbangan karbon (*carbon offset*).

SEKTOR MARITIM

6. Dalam sektor maritim, Polisi Pelabuhan Hijau telah dibangun dan diamalkan oleh tujuh (7) Pelabuhan Persekutuan, malahan sejak *Green Port Award System* (GPAS) dilancarkan pada tahun 2016, enam (6) Pelabuhan Persekutuan telah menerima anugerah tersebut.

7. Selain itu, Kementerian ini sedang merangka *National Action Plan* (NAP) yang turut memfokus kepada pengurangan pelepasan GHG dari kapal dan pelabuhan dalam menyokong komitmen negara untuk memelihara dan meningkatkan ekonomi hijau sektor maritim, selaras dengan hasrat *International Maritime Organization* (IMO).

8. Saya yakin Kerajaan berada pada landasan yang betul dan strategik dalam usaha meningkatkan jaringan dan pembangunan infrastruktur pengangkutan ke arah mewujudkan ekosistem perdagangan hijau.

Sekian, terima kasih.